Jadi yang dicari adalah Ahli Parlimen ataupun ADUN dalam kawasan itu dan kebetulan memang kerja-kerja kebajikan memang dilonggokkan kepada kerajaan negeri. Jadi kerajaan negeri dan wakil rakyat negeri harus turun padang dan memberi bantuan. Akan tetapi punca bencana itu tidaklah 100% datangnya daripada kerajaan negeri, datang daripada Kerajaan *Federal* yang juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa pelan mitigasi ataupun *mitigation drainage system* itu adalah baik dan tidak akan mendatangkan banjir-banjir kilat dan memudaratkan penduduk di situ.

Saya juga setuju dengan dari segi penambahan bajet *because* saya juga mengalami keadaan sedemikian yang mana bila kita tanya tentang bajet untuk kerja-kerja mitigasi ini, seolah-olah tidak ada satu jawapan yang tepat dan tidak ada ketentuan yang pasti yang diberikan kepada kami. Jadi keadaan itu selalu *very vague*, dengan izin, tidak jelas.

Jadi kita pun tidak tahu sama ada kerja yang dibuat itu mampu untuk mengatasi masalah yang kita hadapi ataupun setakat separuh jalan. Maknanya duit tidak cukup kalau yang melibatkan 10 kilometer, jadi kita boleh mampu buat 5 kilometer sahaja. Jadi tidak menyelesaikan masalah kerana 5 kilometer itu hanya mungkin dapat menyelesaikan masalah setakat yang itu sahaja, tetapi yang lebih itu tidak. Akan tetapi kalau bila kerja itu tidak berjaya dengan keseluruhannya, maka ia mengakibatkan banjir yang lebih teruk daripada keadaan yang sebenarnya.

Jadi saya amat berharap sekiranya laporan audit yang telah disebutkan tadi mengenai JPS tentang projek-projek misi banjir ini harus diteliti dan disemak semula untuk kepastian kerana apabila kebocoran dan ketirisan ini telah mengakibatkan bencana kepada rakyat. Kami juga amat berharap kementerian tidak ada satu, saya rasa tidak tetapi saya cuma ingin hendak memberikan sedikit *precaution* kerana saya harap tidaklah ada dianaktirikan di negeri Selangor ini apabila bajet *mitigation* dan sebagainya seolah-olah kita tidak diberikan keutamaan memandangkan itu adalah kerajaan daripada Pakatan.

Jadi ini melibatkan rakyat. Jadi saya rasa Kerajaan Pusat harus bertanggungjawab di atas masalah-masalah mitigasi yang melibatkan banjir kilat dan banjir-banjir di kawasan-kawasan di negeri Selangor khususnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ya, okey.

2.56 ptg.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak silap saya Tuan Yang di-Pertua, Bandar Klang adalah satu bandar yang bersejarah dan Bandar Diraja pun. Banjir kilat boleh jadi di mana-mana dan ini masalah sangat serius sebab ada kaitan dengan beberapa aspek ialah kerajaan tempatan, pihak JPS, JKR, kerajaan negeri dan juga PBT atau Pihak Berkuasa Tempatan. Sebab kepada mangsa-mangsa, dia tidak kira sesiapa yang ada kaitan sebab dia hendak selesaikan dia punya perkara.

Saya harap pihak JPS dan JKR ambil serius perkara ini dan juga memang kerajaan negeri, Menteri Besar Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali pun ambil berat tentang perkara ini. Oleh sebab sampai satu mangsa yang tunjuk jari itu tidak gunalah. So saya harap Yang Berhormat Klang dan juga Yang Berhormat Kapar, *efforts* beliau boleh ada dapat dengar, jelas dan kita tunggu jawapan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

2.57 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Klang kerana membawa usul di bawah Peraturan 18(1) dan juga kepada beberapa Ahli Yang Berhormat tadi yang turut membahaskan usul ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, tanpa mengambil kira siapa yang membawa usul ini. tanpa juga mengambil kira isu ini berlaku di mana tidak kiralah sama ada di kawasan pembangkang ataupun bukan pembangkang, kerajaan ataupun bukan kerajaan ataupun negeri mana pun, sebenarnya percayalah bahawa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melayan perkara ini secara profesional.

Jadi untuk ini, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar amat tersentuh dan peka dengan perkara yang sedang berlaku dan telah pun berlaku, banjir yang serius khususnya yang disebut pada 15 Mei 2016 di kawasan Parlimen Klang dan sekitar yang melibatkan kawasan pembangunan dan penyelenggaraan *of course*, dengan izin, pihak berkuasa tempatan berkaitan. Sabar dahulu, nanti saya cerita hingga selesai.

Banjir pada hari tersebut adalah disebabkan oleh hujan yang lebat yang direkodkan di stesen hujan Jalan Kebun sebanyak 61 mm dan juga di stesen hujan Teluk Gadong sebanyak 51 mm yang merupakan bacaan yang tinggi dalam tempoh yang singkat.

Perkara ini juga menyebabkan jumlah air larian permukaan ataupun *surface runoff* yang begitu banyak telah tidak dapat ditampung oleh sistem perparitan sedia ada, betul seperti yang disebutkan tadi di bawah penyenggaraan PBT dan pihak-pihak lain yang berkaitan.

Sewaktu kejadian tersebut berlaku, beberapa pintu air yang dikawal dan diselenggara oleh JPS adalah terbuka seperti di Teluk Gadong. Peristiwa ini menyatakan bahawa paras air Sungai Klang adalah rendah dan kejadian banjir bukanlah disebabkan oleh limpahan Sungai Klang. Ia adalah banjir berpunca daripada aliran dalaman ataupun *internal drainage* yang tersumbat atau tidak berkemampuan menyalurkan air dengan cepat ke sungai.

■1500

Adalah dilaporkan bahawa sebahagian kawasan yang terlibat banjir adalah berada pada platform ataupun aras tanah yang rendah daripada pembangunan jalan sedia ada. Di samping penerimaan jumlah jalan yang melebihi kadar biasa dalam tempoh yang singkat, kejadian banjir ini juga berlaku disebabkan pembangunan yang tidak mengambil kira aspek teknikal seperti yang telah diperaturkan oleh pihak JPS.

Antara alasan yang diberikan adalah sistem perparitan yang disediakan perlu mematuhi garis panduan Manual Saliran Mesra Alam ataupun MSMA. Ini merupakan satu peraturan yang telah dikuatkuasakan pada tahun 2000 tetapi belum lagi dikuatkuasakan dari segi peraturan.

Saya setuju, pihak kami setuju, pihak kementerian setuju bahawa syor Audit yang dicadang dilaksanakan tetapi pada masa yang sama juga adalah lebih baik sekiranya dilaksanakan oleh Unit Audit Dalaman Kerajaan Negeri Selangor. Sabar dahulu. Kandungan Audit yang dicadangkan meliputi perancangan pembangunan dan pematuhan syarat-syarat, garis panduan serta nasihat teknikal. Contohnya pematuhan MSMA atau Manual Saliran Mesra Alam.

JPS di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bersedia untuk membantu untuk menyertai pasukan Audit berkenaan sekiranya dijemput ataupun diperlukan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Ini kerana JPS juga sedia ada di setiap negeri dan majoriti Tuan Yang di-Pertua bahawa gaji staf, dengan izin pengarah, timbalan pengarah dan sebagainya adalah dibayar oleh kerajaan negeri masing-masing termasuk negeri Selangor.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang boleh dilaksanakan untuk jangka masa pendek, langkah proaktif yang dilaksanakan oleh JPS adalah memasang beberapa pam tenggelam atau *submersible pumps* di beberapa lokasi strategik di Pintu Air Jalan Pam, Pintu Air Telok Gadong dan Pintu Air Jalan Tepi Sungai daerah Klang sebagai persediaan sekiranya pintu air ini tertutup bagi mengeluarkan air dengan segera ke Sungai Klang.

JPS juga menyarankan PBT yang terlibat dapat membuat penyelenggaraan segera ke atas alur air ataupun ke atas alur yang mungkin tersumbat oleh banyak sebab seperti sampah, pokok dan sebagainya seiring dengan keputusan Jemaah Menteri mengenai pembahagian tanggungjawab pengurusan sungai di kawasan pihak berkuasa tempatan.

Pada 19 Jun 1996 telah memutuskan bahawa tanggungjawab mengurus dan menyelenggarakan sistem perparitan di kawasan pihak berkuasa tempatan adalah di bawah tanggungjawab pihak berkuasa tempatan masing-masing. Perkara ini juga terkandung di dalam seksyen 50 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*] mengenai perkara yang sama.

Tindakan boleh dilaksanakan untuk jangka masa panjang. Bagi menangani masalah ini, JPS telah membantu PBT dalam memberikan khidmat nasihat teknikal. Kajian Pelan Induk Saliran Daerah Klang yang telah dikeluarkan pada tahun 2009 telah diedarkan kepada beberapa agensi berkaitan terutamanya semua PBT yang terlibat dalam daerah Klang. JPS juga sedang melaksanakan Projek Menaik Taraf Sistem Saliran Pelabuhan Klang di mana Pakej 1 sedang dalam pembinaan manakala bagi Pakej 2 sedang dalam penilaian untuk melantik kontraktor kerja fizikal.

Selain itu kerjasama semua pihak terutamanya PBT dalam pengurusan aliran air ribut atau *storm water* adalah amat diperlukan. PBT perlu menyokong ulasan JPS dalam memutuskan apa-apa pelan pembangunan yang dikemukakan untuk kelulusan. PBT juga dipohon untuk memantau pelaksanaan projek pembangunan terutamanya melibatkan sistem perparitan bagi memastikan syarat yang diletakkan dipatuhi oleh pemaju.

Sebagai contoh, terdapat pemaju yang tidak mematuhi syarat JPS bahawa projek pembangunan perlu menyediakan Pelan Kawalan Kelodak atau *Erosion and Sediment Control Plan (ESCP)* semasa kerja pembinaan dilaksanakan. Kelodak yang terlepas dari kawasan pembangunan adalah punca utama banjir lumpur dan banjir kilat di kawasan pembangunan itu sendiri dan kelodak itu telah menyebabkan sistem saliran sedia ada menjadi cetek dan tersumbat.

Pihak pemaju juga perlu sama-sama dipertanggungjawabkan dalam pengurusan aliran air ribut atau *storm water* tadi dengan pematuhan kepada apa-apa syarat yang telah ditetapkan oleh PBT. Pemaju juga disarankan untuk mengambil tanggungjawab dalam menyediakan infrastruktur saliran dalam projek-projek yang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin sebelum saya teruskan para ini, saya juga ingin menyambung beberapa saranan tadi tentang perlunya dibuat satu laporan audit dan juga semakan sama ada berlaku penyelewengan dan sebagainya. Keduanya, perlunya satu peruntukan besar termasuk kajian semula tentang, dengan izin, *total solution* kepada masalah banjir tersebut.

Oleh sebab itu pada peringkat awal tadi kami bersetuju bahawa laporan audit ini perlu disokong dilaksanakan yang melibatkan beberapa pihak dan JPS boleh bantu supaya Tuan Yang di-Pertua kita dapat kenal pasti punca sebenar banjir pada saya yang dahsyat tersebut, tempoh satu jam setengah, 51 mm, 50 mm menyebabkan banjir.

Jadi kalau kita boleh buat kajian secara menyeluruh dan kita boleh membuat satu keputusan tentang, dengan izin, *total solution* barulah kita dapat anggarkan berapakah sebenarnya peruntukan yang diperoleh ataupun peruntukan yang boleh kita pohon dan dibekalkan. Sebab tidak semestinya suatu peruntukan sesuatu isu atau masalah banjir itu boleh diselesaikan dengan jumlah peruntukan banyak, banyak perkara lain. Oleh sebab itu kami memang sokong benar supaya *auditing* ini boleh dibuat. Akhirnya kita dapat kenal pasti punca sebenar kepada segala masalah banjir yang berlaku.

Sehubungan itu pihak kementerian Tuan Yang di-Pertua melalui JPS menasihatkan supaya sebarang pembangunan, maksud saya pembangunan baru di kawasan terlibat dengan banjir tersebut perlu ditangguhkan sehingga masalah banjir di kawasan terlibat selesai terlebih dahulu kerana pembangunan baru akan memburukkan lagi keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tambah sedikit di luar konteks ini iaitu saya mengambil contoh di kawasan saya sendiri, di kawasan Ledang berlaku beberapa banjir kilat yang tiba-tiba berlaku dan saya mengambil inisiatif membuat semakan sendiri berpunca daripada ketidakpatuhan MSMA. MSMA iaitu Manual Saliran Mesra Alam.

Jadi saya telah menggunakan Tuan Yang di-Pertua kuasa yang tidak ada pada saya walaupun Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, saya gunakan pengaruh saya dalam Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah supaya MDT atau Majlis Daerah Tangkak, PBT di kawasan saya menangguhkan apa-apa bentuk pembangunan yang disyorkan atau dicadangkan di kawasan yang berlaku banjir.

Adalah ditekankan pembangunan baru juga perlu mematuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh JPS melalui garis panduan Manual Saliran Mesra Alam atau MSMA dengan sepenuhnya dan dipantau dengan rapi.

Saya juga hendak sebut tentang, hendak juga mengulas sedikit tentang kolam-kolam yang disebutkan tadi. Saya ada beberapa senarai kolam ini Tuan Yang di-Pertua, iaitu saya difahamkan bahawa kolam yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi saya dapat laporan ini daripada pihak JPS, dibina dan diselenggarakan oleh Majlis Perbandaran Klang - dibina dan diselenggarakan.

Ini di antaranya ialah bagi Taman Seri Muda juga kolam di Bukit Raya yang ini pula dibina dan diselenggarakan oleh JPS. Akan tetapi bagi Pandamaran, Bandar Puteri, Bandar Sultan Sulaiman, Taman Maznah, dibina oleh pemaju dan diserahkan kepada PBT dan kini diselenggarakan JPS bermula akhir tahun lepas. Bermula akhir tahun lepas.

■1510

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Taman Bayu. Tadi isu sudah bangkit, Taman Bayu yang dibina tahun lalu.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Ha okey. Begini, saya menunggu semakan tadi, sekejap lagi mungkin boleh datang kepada saya, saya akan jawab perkara tersebut.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, tentang peruntukan. Sebenarnya di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan telah pun meluluskan bagi Rancangan Tebatan Banjir Sungai Gadong iaitu sebanyak RM9 juta telah pun diluluskan. Ini bagi Rancangan Tebatan Banjir Sungai Gadong yang terlibat dan *insya-Allah* dapat ditender dan dijangka tender pada Oktober 2016. Ini di antara perkara-perkara yang dibangkitkan.

Tentang kolam Taman Bayu ya?

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Bayu.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Bayu Perdana.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Aduh, tulisan *masya-Allah*. Taman Bayu Perdana. Ini tulis hendak cepat ini [*Ketawa*] Bagi kolam Taman Bayu Perdana dibina dan diselenggarakan oleh Majlis Perbandaran Klang. Oleh sebab itu tadi saya setuju kalau audit itu hendak buat dan pihak JPS sedia bantu. Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup dalam perbahasan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) ini dan yang demikian, saya tutup perbahasan ini.

UCAPAN DI BAWAH USUL **BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

Masalah Pekebun Kecil Getah dan Penyelesaiannya.

3.12 ptg.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya membawa usul mengenai masalah yang dihadapi pekebun kecil getah dan minta penyelesaiannya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, masalah kejatuhan harga komoditi getah kini semakin membebankan dan memberi tekanan kepada sebilangan peladang dan sebahagian besar pekebun kecil dan penoreh getah. Ditambah pula dengan keadaan kos sara hidup yang semakin meningkat setelah pemerintah melaksanakan cukai GST sejak 1 April 2015.

Berdasarkan jawapan bertulis Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi kepada Ahli Parlimen Sik yang bertarikh pada 4 April 2016, pada tahun 2015, hasil eksport getah dan produk getah adalah sebanyak RM25.16 bilion iaitu meningkat 6.6% berbanding dengan 2014. Apakah hasil pendapatan pekebun kecil getah juga mencatatkan peningkatan 6.6% secara puratanya atau sebaliknya?

Setahu saya, realitinya adalah sebaliknya di mana hasil pendapatan mereka menurun ekoran ketidakstabilan harga getah yang berkisar sekitar RM2 hingga RM2.20 sekilogram untuk satu tempoh yang agak lama.

Kejatuhan terus menerus harga getah sehingga di bawah paras RM3 sekilogram ternyata memberi kesan kepada para pekebun kecil getah. Sesungguhnya kejatuhan harga getah sejak beberapa tahun lepas memaksa mereka beralih arah kepada tanaman yang lain.

Jawapan bertulis buat Ahli Parlimen Sik juga menyatakan bahawa bantuan tanam semula yang diberikan kepada pekebun kecil ialah sebanyak RM9,230 sehektar bagi Semenanjung, manakala Sabah dan Sarawak masing-masing berjumlah RM14,000 dan RM13,500 sehektar. Apakah bantuan tanam semula memadai, sedangkan pekebun kecil memerlukan bantuan pelbagai aspek yang dapat membantu mereka menampung kehidupan harian mereka?

Tahukah Menteri bahawa sesetengah daripada mereka, pekebun kecil ini terpaksa meminjam daripada *Ah long* untuk menampung keperluan hidup? Kami sempat juga membuat satu bancian di kalangan 400 penoreh getah kecil di kawasan di negeri Kedah dan mendapati isu meminjam wang daripada *Ah long* adalah menjadi satu perkara yang patut kita membantu mereka.

Semasa pembentangan Bajet 2015 pada 20 Oktober 2014, Menteri Kewangan menyatakan bahawa kepada pekebun kecil getah yang terjejas akibat kejatuhan harga getah, Lembaga Getah Malaysia akan memperuntukkan RM100 juta bagi melaksanakan mekanisme kawal selia harga di peringkat ladang untuk melindungi pekebun kecil daripada mengalami kerugian terutamanya sewaktu harga pasaran dunia lebih rendah daripada harga minimum yang ditetapkan dan ia dinamakan di bawah satu program Insentif Pengeluaran Getah. Apa yang kita fahamkan daripada RM100 juta ini, hanya RM12 juta sahaja yang baru dibelanjakan. Kita juga ingin bertanyakan, dimanakah baki RM80 juta dan kenapa tidak disalurkan kepada pekebun-pekebun getah ini?

LGM akan turut juga menyediakan pinjaman mudah berjumlah RM6.4 juta sebagai modal pusingan kepada 64 buah koperasi pekebun kecil bagi membeli getah terus daripada kira-kira 442,000 pekebun kecil getah di seluruh negara. Kini satu setengah tahun berlalu, pihak kami masih menerima aduan pekebun kecil getah berkenaan masalah-masalah yang dihadapi mereka. Ingin saya persoalkan, adakah Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi menilai sejauh mana keberkesanan langkah-langkah pemerintah dan agensi berkaitan dalam menghulurkan bantuan kepada pekebun kecil?

Jikalau pemberian telah dilakukan, saya minta dibutirkan secara terperinci realiti semasa termasuk jumlah pekebun kecil getah yang kini berpendapatan kurang daripada RM1000, berpendapatan antara RM1001 hingga RM1200, berpendapatan antara RM1200 hingga RM1500 dan berpendapatan RM1500 ke atas. Akan tetapi hasil daripada kaji selidik kami, kita dapati bahawa purata gaji pekebun kecil ketika ini adalah di antara RM500 ke RM900. Itu sahaja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila Menteri.

3.17 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, pendapatan pekebun-pekebun kecil getah bergantung pada dua faktor utama iaitu kuantiti pengeluaran getah dan harga getah di peringkat ladang. Pada tahun 2015, purata harga getah *cup lump* basah ialah RM2 sekilogram berbanding RM2.13 sekilogram pada tahun 2014 iaitu penurunan sebanyak 13 sen sekilogram atau 6.1%. Sekiranya purata output bulanan untuk kedua-dua tahun adalah sama, pendapatan pekebun-pekebun kecil getah akan berkurangan berkadar dengan penurunan harga ini.

Harga getah seperti produk-produk komuniti lain yang diperdagangkan di peringkat antarabangsa adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti penawaran dan permintaan serta kadar pertumbuhan ekonomi dunia khususnya di negara-negara pengguna getah asli utama.

Di samping itu, harga getah asli juga dipengaruhi oleh harga petroleum di pasaran global yang mana harga yang rendah akan menyebabkan harga getah sintetik menjadi lebih kompetitif. Kerajaan telah pun melaksanakan beberapa strategi dalam usaha memulihkan serta menstabilkan harga getah di pasaran. Antara strategi yang telah dilaksanakan termasuk:

- (i) menggalakkan peningkatan penggunaan getah dalam negara termasuk menggunakan adunan getah dengan bitumen dalam pembinaan jalan raya;
- (ii) memperkukuhkan aktiviti-aktiviti penyelidikan ke arah menghasilkan produk-produk baru dan nilai tambah berasaskan getah. Langkah ini akan membolehkan peningkatan penggunaan getah asli dalam negara di samping pengeluaran produk-produk baru berasaskan getah untuk pasaran eksport;
- (iii) menyediakan bantuan tanam semula dan tanam baharu getah di mana pekebun kecil di Semenanjung disediakan insentif sebanyak RM9,230 sehektar, RM14,000 sehektar di Sabah dan RM13,500 sehektar di Sarawak. Bantuan ini adalah dalam bentuk benih klon getah yang berkualiti tinggi, baja dan racun rampai. Bagi tahun 2016, peruntukan sebanyak RM81.4 juta disediakan; dan
- (iv) bekerjasama dengan lain-lain negara pengeluar getah asli dunia bagi menstabilkan harga getah.

■1520

Ini adalah memandangkan Malaysia merupakan negara keenam terbesar pengeluar getah asli dan negara secara bersendirian tidak dapat mempengaruhi harga getah asli dunia. Di mana di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council* yang juga melibatkan Thailand dan Indonesia telah bersetuju untuk melaksanakan, dengan izin, *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS) bagi tempoh enam bulan dari Mac hingga Ogos 2016. Di bawah mekanisme ini ketiga-tiga negara akan mengehendkan eksport sebanyak 615,000 tan getah asli bagi tempoh tersebut. Langkah ini dijangka akan menyumbang kepada usaha-usaha menstabilkan harga getah asli.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan prihatin terhadap kesan penurunan harga kepada pendapatan lebih 300,000 orang pekebun kecil getah terutamanya para penoreh. Sehubungan itu, kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi memastikan pendapatan dan kebajikan pekebun kecil getah tidak terjejas dengan kestabilan harga getah. Inisiatif-inisiatif yang telah pun dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) insentif pengeluaran getah iaitu IPG;
- (ii) mekanisme penetapan harga di ladang; dan
- (iii) menyediakan infrastruktur kutipan lateks;

Tuan Yang di-Pertua, melalui kajian yang telah dijalankan oleh pihak berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) pecahan bilangan pekebun kecil berdasarkan pendapatan adalah seperti berikut. Kurang daripada RM1,000 ialah 197,307 orang, RM1,000 hingga RM8,320 iaitu 82,848 orang. Dalam hal ini, kementerian akan meneruskan langkah-langkah jangka masa panjang untuk memperkukuhkan pembangunan industri getah agar para pekebun kecil getah memperoleh manfaat melalui harga yang lebih stabil.

Ini termasuk meningkatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dalam penghasilan produk-produk baru, nilai tambah dan meningkatkan penggunaan getah asli dalam negara. Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga menggalakkan para penanam getah untuk mengusahakan tanaman lain bagi mendapatkan pendapatan sampingan dan menangani penurunan pendapatan susulan harga getah yang tidak stabil.

Selain itu, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui RISDA melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup pekebun kecil antaranya termasuk Program Tanam Semula Getah ke Tanaman Lain (TSGL) dan Skim Insentif Produktiviti Getah (SIPG). Pihak RISDA juga menyediakan program latihan dan tunjuk ajar untuk membolehkan pekebun kecil getah mengamalkan amalan agronomi yang baik dan memperoleh hasil yang memuaskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Setiausaha.

Masalah Selekoh Maut di Batu 24, Kulai.

3.23 ptg.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya dimaklumkan setiap tahun akan berlaku kemalangan maut di laluan selekoh S, Batu 24, Kulai. Pada 1 Mac 2016 yang lalu satu kemalangan jalan raya yang melibatkan tiga buah kenderaan iaitu sebuah Proton Saga BLM, Toyota HILUX, dan lori membawa muatan minyak sawit seberat 35 tan.

Akibat daripada itu, tumpahan minyak sawit telah menyebabkan permukaan jalan raya menjadi licin dan membahayakan keselamatan pengguna jalan raya. Meskipun kerja-kerja kebersihan telah dilakukan sebanyak lima kali dengan menggunakan habuk papan, namun pada 14 Mac 2016 sekali lagi pejabat saya menerima aduan sebuah lori tangki telah terbabas di kawasan yang sama.

Bukan itu sahaja, menurut statistik yang dipamerkan di lawan web Majlis Perbandaran Kulai sejak Januari 2015 hingga Julai 2015 telah berlaku 38 kes kemalangan di kawasan tersebut dalam tempoh masa tujuh bulan. Ini membuktikan bahawa jalan tersebut sangat berbahaya dan perlu diluruskan untuk keselamatan semua pengguna jalan raya.

Pada 3 Mei 2016, saya juga telah menulis sepucuk surat untuk meminta jalan tersebut diluruskan dan kami dimaklumkan oleh JKR Daerah Kulai bahawa permohonan bajet telah pun dibuat kepada Kerajaan Persekutuan sejak Rancangan Malaysia Kesepuluh. Namun sehingga sekarang permohonan peruntukan masih tidak diluluskan.

Bertindak dengan keadaan tersebut satu petisyen daripada orang ramai telah diserahkan kepada Exco Kerja Raya Negeri Johor, Yang Berhormat Datuk Haji Hasni bin Haji Mohammad. Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh Exco Kerja Raya Kerajaan Negeri Johor di dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri Johor baru-baru ini, kos untuk mengambil alih tanah di kawasan tersebut menelan kos sebanyak RM3 juta dan RM8 juta untuk kos pembinaan.

Pada hemat saya, kerja-kerja pembersihan dan meletakkan papan tanda amaran sahaja tidak cukup untuk mengelakkan kemalangan daripada berlaku di jalan tersebut.

Oleh demikian, saya berharap Kementerian Kerja Raya akan meluluskan bajet untuk meluruskan jalan tersebut agar keselamatan pengguna jalan raya dapat dijaga. Selain daripada itu, saya minta KKR menyatakan:

- (i) jumlah kemalangan dan kemalangan maut di kawasan tersebut sejak tahun 2005;
- (ii) pendekatan interim untuk mengurangkan kemalangan di kawasan tersebut;

- (iii) keluasan tanah dan jumlah pemilik tanah yang terlibat untuk diambil alih untuk projek meluruskan selekoh tersebut; dan
- (iv) butiran kos pembinaan yang menelan RM8 juta.

Sekian, sahaja. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

3.27 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan *black spot*, dengan izin, kemalangan tersebut ialah merujuk kepada laluan di Kilometer 38 hingga Kilometer 40, Jalan Persekutuan ST01 di Kulai iaitu laluan yang menghubungkan Johor Bahru ke Ayer Hitam, Johor. Struktur jalan *dual carriage way*, dengan izin, tersebut berbentuk lengkungan S, manakala had laju yang diwartakan di sekitar kawasan tersebut ialah 60 kilometer sejam.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerja Raya mengambil maklum mengenai isu kemalangan yang sering berlaku di laluan tersebut. Ini kerana kawasan selekoh tersebut merupakan laluan utama yang menghubungkan dua buah daerah iaitu Kulai dan Kluang di mana kadar trafik harian adalah sangat tinggi. Berdasarkan unjuran Bancian Trafik Kebangsaan 2014, jumlah purata kenderaan yang melalui jalan utama tersebut ialah sekitar 35,000 kenderaan sehari.

Faktor utama kemalangan di laluan itu ialah disebabkan oleh kecuaiannya manusia iaitu disebabkan oleh pemanduan melebihi had laju yang telah ditetapkan iaitu 60 kilometer sejam. Mengikut maklumat statistik kemalangan yang telah dibekalkan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) jumlah kemalangan dan kematian yang direkodkan di laluan Kilometer 38 hingga Kilometer 40 Jalan Johor Bahru ke Ayer Hitam untuk tempoh dari tahun 2005 hingga 2015 ialah seperti berikut:

- (i) tahun 2005 jumlah kemalangan adalah sebanyak 54 kemalangan, jumlah kemalangan maut adalah lima;
- (ii) tahun 2006 jumlah kemalangan adalah 53, jumlah kemalangan maut empat;
- (iii) tahun 2007 jumlah kemalangan adalah 53 dan jumlah kemalangan maut adalah tiga;
- (iv) tahun 2008 jumlah kemalangan 31 dan jumlah kemalangan maut tidak direkodkan, tiada jumlah kemalangan maut;
- (v) tahun 2009 sebanyak 25 jumlah kemalangan, tidak ada rekod ataupun tidak mencatatkan jumlah kemalangan maut;

- (vi) tahun 2010, 42 jumlah kemalangan dan tidak ada kemalangan maut;
- (vii) tahun 2011 hanya tiga jumlah kemalangan direkodkan dan jumlah kemalangan maut tiga;

■1530

- (viii) tahun 2012, dua jumlah kemalangan yang direkodkan dengan jumlah kemalangan maut dua;
- (ix) Tahun 2013, enam jumlah kemalangan direkodkan dan jumlah kemalangan maut lima;
- (x) tahun 2014 tidak ada jumlah kemalangan direkodkan ataupun jumlah kemalangan maut tidak ada. Tidak ada kemalangan langsung dicatatkan pada tahun 2014; dan
- (xi) tahun 2015, 3 jumlah kemalangan dicatatkan dan jumlah kemalangan maut 3. Daripada tahun 2005 hingga tahun 2015, sebanyak 272 jumlah kemalangan direkodkan bersamaan dengan jumlah kemalangan maut sebanyak 25.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik kemalangan yang disebutkan di atas, didapati jumlah kemalangan telah menurun dengan drastik mulai daripada tahun 2011. Ini berikutan daripada keberkesanan pelaksanaan Program Pembaikan Kawasan *Black Spot*, dengan izin, yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) pada tahun 2010 dengan kos sebanyak RM600,000.

Ini melibatkan skop mitigasi kemalangan iaitu penurapan semula permukaan jalan dengan menggunakan kaedah *microsurfacing* bagi meningkatkan tahap cengkaman jalan. Pendekatan interim jangka pendek ini merupakan antara usaha kementerian untuk mengurangkan risiko kemalangan di bawah Program Keselamatan Jalan Raya yang dilaksanakan pada setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada isu laluan berselekeh di kilometer 38 hingga kilometer 40 Jalan Persekutuan FT1 di Kulai, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JKR daerah Kulai telah mencadangkan kaedah pembaikan jangka panjang iaitu supaya jajaran berselekeh itu diluruskan demi meningkatkan tahap keselamatan dan keselesaan pengguna. Skop projek ini melibatkan kerja-kerja reka bentuk, pengalihan utiliti, pengambilan balik tanah, menaik taraf dan memasang papan tanda keselamatan serta perabot jalan.

Anggaran keseluruhan kos projek ini ialah sebanyak RM8 juta dengan pecahan kos seperti berikut:

- kos pembinaan RM3 juta.
- kos pengambilan balik tanah RM3 juta.
- kos pengalihan utiliti RM2 juta.

Jumlah keseluruhan RM8 juta. Maklumat mengenai bilangan lot-lot tanah yang terlibat dengan pengambilan tanah untuk cadangan projek ini tidak dapat dibekalkan pada masa kini kerana ia memerlukan kerja-kerja pengukuran halus dilaksanakan terlebih dahulu oleh juru ukur tanah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sememangnya memandang serius mengenai isu keselamatan pengguna terutama di kawasan yang kerap berlaku kemalangan ataupun lebih dikenali sebagai kawasan *black spots*, dengan izin. Walaupun jumlah statistik kemalangan telah turun dengan drastik sejak tahun 2011, namun langkah-langkah sewajarnya telah, sedang dan akan diambil untuk meningkatkan tahap keselamatan pengguna yang melalui jalan tersebut.

Antara tindakan yang telah dilaksanakan oleh JKR Daerah Kulai ialah melalui pemasangan papan tanda-papan tanda amaran dan penambahbaikan aspek perabot jalan bagi tujuan mengingatkan pengguna supaya mengurangkan had laju di laluan berkenaan. Contohnya ialah pemasangan papan tanda kurangkan laju, papan tanda awas kawasan kemalangan, papan tanda jalan licin dan papan tanda had laju 30 kilometer sejam dan had laju 50 kilometer sejam. Manakala aspek perabot jalan yang ditambah baik pula ialah melibatkan pemasangan *amber light*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *road start* dan *cat's eye*, dengan izin.

Di samping itu, JKR Daerah Kulai juga sedang dalam proses perancangan untuk menambah bilangan papan tanda-papan tanda amaran, pemasangan perabot jalan tambahan dan kerja-kerja meningkatkan lagi aspek keselamatan jalan. Ini melibatkan skop pemasangan *rumble strips* di selekoh, pemasangan *high mast light*, menambah papan tanda amaran berbentuk *solar/warning chevron*, mengecat semula garisan jalan dan pemasangan *road starts* dan jenis *double reflecting*. Dalam masa yang sama, kementerian ini juga sedang mempertimbangkan cadangan untuk melaksanakan kerja-kerja memperbaharui muka jalan secara *mill and pave*, dengan izin, dengan kos RM1.3 juta di laluan berkenaan dalam tempoh masa yang terdekat ini.

Untuk jangka masa panjang pula Tuan Yang di-Pertua iaitu cadangan meluruskan laluan selekoh berkenaan. Perkara ini memerlukan perbincangan lanjut dengan agensi pusat bagi tujuan mendapatkan kelulusan peruntukan. Sehubungan itu, pelaksanaan projek meluruskan selekoh 'F' di kilometer 38 hingga kilometer 40 Jalan Persekutuan 1 Johor Bahru ke Ayer Hitam itu akan dilaksanakan setelah kementerian ini menerima pengesahan peruntukan daripada pihak agensi pusat. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Selasa, 24 Mei 2016. Terima kasih.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 3.35 petang.]